

McDonald's nafi dakwaan produk tidak halal

Petaling Jaya: Pemilik rangkaian makanan segera terkemuka, McDonald's Malaysia (McDonald's), sekali lagi menafikan dakwaan golongan tidak bertanggungjawab yang menyatakan produk keluaran mereka di negara ini tidak halal.

Pengerusi Jawatankuasa Halal Dalam McDonald's, Wan Mohd Zam Wan Embong, berkata mereka mempunyai Jawatankuasa Halal untuk memastikan makanan dikeluarkan mematuhi syarat ditetapkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Jawatankuasa ini mempunyai empat ahli terdiri daripada wakil Jabatan Pembekalan, Jaminan Kualiti, Operasi dan Sumber Manusia yang bertindak sebagai setiausaha manakala wakil Jabatan Pemasaran sebagai jempunan.

"Jawatankuasa itu bermesyuarat setiap bulan untuk memastikan kualiti produk, malah McDonald's juga mempunyai dua penasihat syariah iaitu pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Imam Masjid Bangsar," katanya di sini semalam.

Mohd Zam berkata, syarikat akan mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak berkenaan jika mengulangi fitnah itu sehingga tidak dapat dibendung.